

CNS4499

R PB 01-12 00176 BB935

BAH

UMNO - Bahas (Presiden)

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) — Perhimpunan Agung UMNO hari ini disarankan supaya mengambil ketetapan menggesa pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk melantik anggota kabinetnya bagi menerajui kerajaan.

Encik Sih Hijas dari UMNO Bahagian Pasir Salak, Perak, kesal dengan sikap seorang pemimpin parti komponen BN kerana menyediakan senarai nama calon dari parti berkenaan untuk dipilih menganggotai jemaah menteri.

Ketika membentangkan usul ucapan terima kasih di atas amanat Presiden UMNO semasa merasmikan perhimpunan itu semalam beliau berkata, kejadian seperti itu tidak harus berlaku kerana perlantikan anggota kabinet ialah hak mutlak Perdana Menteri.

Beliau menyifatkan perbuatan pemimpin parti itu sebagai tidak percaya kepada kewibawaan Perdana Menteri.

Usul yang dibawa oleh Encik Sih itu memutuskan agar Perhimpunan Agung UMNO mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya mengetuai parti dan Barisan Nasional serta kerajaan yang telah membawa banyak kejayaan dalam bidang politik, meningkatkan perpaduan rakyat dan ekonomi negara. — Lagi.

♥01/12/10-19MST

CNS4500

R PB 01-12 00147 BB936

BAH

Datuk Seri Dr Mahathir juga telah berjaya meningkatkan keupayaan Malaysia dalam arena politik antarabangsa, kata Encik Sih.

Perhimpunan itu juga berikrar berdiri teguh bersama Presiden parti untuk melaksanakan tugas-tugasnya dalam mengekalkan keamanan dan menambahkan lagi kemakmuran negara.

+Mudah-mudahan Allah akan memberikan kekuatan dan petunjuk kepada beliau dalam usaha-usahanya yang gigih untuk kepentingan rakyat dan negara;+ tambah usul itu.

Sementara itu, penyokong usul itu, Encik Ramli Abdul Rahman, wakil dari UMNO Bahagian Hulu Selangor, meminta pucuk pimpinan UMNO supaya mengkaji keikhlasan para anggota dalam memperjuangkan matlamat parti dan kerjasama daripada parti-parti komponen BN.

Ini kerana sesetengah anggota UMNO dan parti-parti komponen BN yang telah menunjukkan sikap talam dua muka pada pilihan raya umum baru-baru ini dengan membantu calon-calon parti lawan, dan memperlihatkan trend mengundi pada pilihan raya 1969. -- Lagi.

♥01/12/10-23MST

CNS4504

R PB 01-12 00101 BB937

BAH

UMNO - Bahas (Presiden) 3 Kuala Lumpur

Tambahnya, pucuk pimpinan parti juga perlu mengkaji semula perletakan calon-calon yang bertanding dalam 96 kawasan pilihan raya di mana majoriti pengundinya ialah orang Melayu.

Beliau menyarankan pucuk pimpinan parti supaya mengkaji semula kedudukan para anggota UMNO dan tidak menerima semua orang Melayu ke dalam parti, dan menjadikannya sebuah parti +tong sampah+.

Encik Ramli juga meminta Datuk Seri Dr Mahathir memberikan kuasa kepada ketua bahagian dan cawangan untuk memberikan nama-nama anggota yang dipercayai tidak ikhlas dalam perjuangan UMNO untuk disemak semula oleh Majlis Tertinggi_@_@_. -- Lagi.

♥01/12/10-30MST

CNS4560

R PB 01-12 00170 BH557

BAH

UMNO - Bahas (Présiden) 4 Kuala Lumpur

Wakil UMNO Bahagian Kangar, Perlis, Encik Shaari Jusoh meminta kerajaan menimbang untuk menambah bilangan kawasan Parlimen di negeri itu daripada dua kepada empat untuk mengukuhkan lagi kedudukan UMNO di Dewan Rakyat.

Katanya, apalah gunanya dilaungkan slogan ketuanan Melayu sedangkan orang Melayu sendiri tidak mempunyai kuasa mutlak untuk memerintah dan mentadbir negara ini.

Encik Shaari berkata, para pemimpin UMNO dan kerajaan perlu menimbang untuk memberi peruntukan khusus kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kerana telah memainkan peranan penting dalam memastikan kemenangan UMNO semasa pilihan raya umum lepas.

Beliau berharap para pemimpin UMNO, terutamanya Menteri dan Timbalan Menteri, supaya mengikuti kuliah pengajian agama sekurang-kurangnya seminggu sekali supaya mereka mempunyai jiwa agama yang lebih mantap dan menjadi contoh kepada penyokong parti.

Wakil UMNO Bahagian Jerlun-Langkawi, Kedah, Encik Yusof Abdul Rahman pula berkata, kerajaan perlu memastikan bahawa sebelum tahun 1995 kemudahan asas bekalan air dan elektrik dapat disediakan untuk semua masyarakat luar bandar. -- Lagi.

♥01/12/12-37MST

CNS4561

R PB 01-12 00145 BH558

BAH

+Walaupun negara kita semakin hari semakin maju tetapi masih ramai di kalangan rakyat luar bandar yang miskin dan kekurangan kemudahan asas yang sepatutnya mereka miliki,+ katanya.

Encik Yusof juga meminta Kementerian Kewangan supaya menambah peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan supaya kementerian itu boleh memainkan peranan lebih cergas untuk pembangunan belia.

Katanya, di samping itu bilangan pegawai belia di setiap daerah dan jajahan perlu ditambah untuk membantu memperhebatkan program dan kegiatan belia setempat sejajar dengan pertambahan bilangan generasi muda sekarang.

Beliau juga meminta Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa supaya mengawasi kedudukan dan perjalanan Pergerakan Belia 4B yang didapati gagal mengadakan mesyuarat agung sejak beberapa tahun lepas.

Encik Yusof juga meminta kerajaan supaya mengambil alih dan menyalurkan bantuan sewajarnya kepada sekolah-sekolah agama rakyat. -- Lagi.

♥01/12/12-38MST

CNS4645

R GB 01-12 00151 BB943

BAH

UMNO - Bahas (Presiden) 6 Kuala Lumpur

Encik Zakaria Bakar dari UMNO Bahagian Tasek Gelugor kebal kerana pada pilihan raya umum lepas rakyat berketurunan Cina di Pulau Pinang tanpa segan silu menyatakan mereka tidak akan menghadapi masalah jika Barisan Nasional tewas.

Beliau menganggap sikap mereka itu sebagai satu penghinaan terhadap orang Melayu kerana kerajaan Barisan Nasional yang sedang memerintah diterajui oleh UMNO yang dianggotai oleh orang Melayu.

Justeru itu beliau meminta kerajaan menubuhkan Perkhidmatan Negara untuk mendidik golongan muda negara ini supaya tidak mengamalkan sikap demikian yang boleh menjejaskan perpaduan kaum.

Encik Zakaria menjelaskan bahawa perkhidmatan negara yang dicadangkannya itu tidak meliputi latihan ketenteraan dan boleh membantu mendedahkan mereka dengan asas perjuangan dan hasrat sebenar kerajaan.

Beliau juga meminta kerajaan menyalurkan punca pendapatan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan menyekat cadangan kerajaan negeri itu untuk menubuhkan institusi latihan politik. -- Lagi.

♥01/12/15-21MST

BAH

UMNO - Bahas (Presiden) 7 Kuala Lumpur

Haji Jamaluddin Haji Tot dari UMNO Bahagian Bentung pula mengecap gabungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dan Timbalannya Encik Ghafar Baba sebagai gabungan +MG+, yang bermaksud Melayu Gagah dan Melayu Gemilang.

Menurut beliau kegagahan dan kegemilangan orang Melayu terbukti dengan pengiktirafan antarabangsa yang telah memilih wakil dari negara ini memperkerusi beberapa jawatankuasa penting di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PRB).

Haji Jamaluddin juga meminta Kementerian Kesihatan menyediakan klinik bergerak bagi membantu mereka yang sakit tenat dan tidak berupaya mendapatkan rawatan di hospital serta golongan yang berpendapatan rendah.

Beliau turut menggesa agar kerajaan mengkaji semula gaji anggota tentera yang, menurutnya, tidak sesuai dengan taat setia dan kesediaan mereka mempertahankan kedaulatan negara.

Haji Jamaluddin juga berharap agar kerajaan memastikan para peneroka FELDA dapat menambah pendapatan mereka kerana kebanyakan daripada mereka hidup dalam keadaan daif. — Lagi.

♥01/12/15-24MST

BAH

UMNO - Bahas (Presiden) 8 Kuala Lumpur

Wakil UMNO bahagian Batu, Wilayah Persekutuan, Senator Azman Attar Othman pula menasihati ketiga-tiga orang Naib Presiden UMNO yang memenangi jawatan masing-masing pada pemilihan kali ini supaya menanamkan semangat berpasukan tulen untuk menjamin masa depan kepemimpinan UMNO yang mantap.

Katanya, jawatan Naib Presiden bukan merupakan tiket dan jaminan untuk menjawat jawatan Perdana Menteri sebaliknya kuasa itu bergantung kepada takdir.

Beliau juga meminta Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid bersalam-salaman di hadapan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai membuktikan perpaduan sesama mereka.

Mengenai negeri Kelantan, beliau meminta Kerajaan Pusat supaya menarik balik segala bantuan untuk negeri itu supaya ia memberi pengajaran kepada rakyat di negeri itu dan menyokong semula Barisan Nasional.

Wakil UMNO Bahagian Batu Berendam, Melaka, Haji Asaari Ibrahim, meminta kerajaan supaya membuka semula kes BMF dan jika boleh pengadilannya dilakukan di negara ini.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Negeri Melaka berharap supaya kes itu dibentang secara terperinci agar orang yang bertanggungjawab menyebabkan ekonomi negara hampir goncang pada satu masa lalu dipenjarakan.

Beliau tidak mahu kematian pegawai kanan BMF, Jalil Ibrahim dibiarkan begitu sahaja. — Lagi.

♥01/12/16-13MST

R PB 01-12 00143 BB947

BAH

UMNO - Bahas (Presiden) 9 Kuala Lumpur

Wakil UMNO Negeri Sembilan, Haji Ujang Anjak, mengingatkan parti agar berhati-hati semasa menerima anggota baru kerana bimbang kemungkinan penyerapan anggota UMNO lama boleh membawa kepada kehancuran parti.

+Ada anggota UMNO lama yang gila-talak dan... saya berharap parti akan menimbang dengan halus kemasukan mereka semula,+ jelas beliau.

Haji Ujang dari UMNO Bahagian Tampin berkata, dalam keghairahan UMNO membuka +pintu seluas-luasnya+ untuk anggota baru, yang penting ditimbang ialah mutu dan bukan jumlahnya.

Wakil UMNO Johor, Encik Ruhanie Ahmad, pula membangkitkan masalah sindrom +melupakan sejarah+ di kalangan orang Melayu yang lupa akan peranan UMNO membela nasib bangsa.

Encik Ruhanie dari UMNO Bahagian Parit Sulong berkata, terdapat kalangan profesional, korporat dan mahasiswa universiti yang terang-terang menunjukkan mereka anti kerajaan terutama sekali ketika pilihan raya umum lalu. — Lagi.

♥01/12/17-17MST

CNS4746

R PB 01-12 00155 BB949

BAH

UMNO - Bahas (Presiden) 10 Kuala Lumpur

Encik Ruhanie menggesa puak pimpinan UMNO mengambil langkah sewajarnya untuk menyedarkan golongan ini.

Beliau berkata, golongan ini tidak harus melupakan jasa UMNO yang menjadi tunjang dan induk kerajaan di negara ini.

UMNO Johor akan memberi sokongan moral dan kewangan kepada UMNO Kelantan untuk membantu mereka mengatur strategi merampas balik Kelantan dari PAS, katanya.

Pergerakan Pemuda yang diwakili oleh Encik Ahmad Bahari Abdul Rahman meminta kerajaan supaya mengambil tindakan yang tegas ke atas kes penyelewengan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, dan juga ke atas Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan jika beliau menyeweleng dalam mentadbir negeri itu.

Beliau juga menggesa kerajaan mengambil tindakan ke atas kerajaan Sabah yang masih mengeksport balak walaupun kerajaan telah memberhentikan pengeksportannya.

Wakil Pergerakan Wanita, Puan Kamilia Ibrahim menyarankan UMNO supaya menerapkan ciri-ciri profesional dan disiplin dalam parti. -- Lagi.

01/12/18-16MST

CNS4748

R PB 01-12 00134 BB950

BAH

Sehubungan itu beliau meminta tindakan disiplin diperketatkan supaya kecemerlangan yang dicapai bukan sahaja daripada segi fizikal tetapi juga daripada segi rohaniah.

Di samping itu beliau meminta sikap kepentingan kebendaan dan kepentingan diri dihapuskan di kalangan anggota UMNO dalam menghadapi dekad 90-an, di samping mengingatkan mereka supaya jangan terlampau bersabar dalam hal-hal yang menggugat kedudukan orang Melayu.

Wakil Kelab-kelab Umno Luar Negeri, Encik Mohamed Shakar Shamsuddin, dari Kelab Umno California, mengucapkan tahniah kepada UMNO yang menjadi tunjang Barisan Nasional kerana kembali memenangi pilihan raya lalu.

Menurutnya, Tuhan masih sayang kepada orang Melayu walaupun ada orang Melayu sendiri yang tidak sedar untung nasib mereka.

Katanya, UMNO perlu mendedahkan barisan mudanya bagi memastikan kesinambungan di dalam kepimpinannya. -- Bernama.

♥01/12/18-19MST

CNS4749

U/PB 01-12 00155 BH570

aab

LEAD Umno - Bahas (Presiden)

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perbahasan usul terima kasih kepada Presiden pada Perhimpunan Agung Umno hari ini keseluruhannya memberi penekanan kepada prestasi parti semasa pilihan raya umum lepas, dengan seruan agar pucuk pimpinan mengambil iktibar daripada arah aliran pengundian.

Menurut kebanyakan perwakilan yang membahaskan usul itu, apa yang penting diberi perhitungan ialah tentang sikap para pengundi bukan Melayu, khususnya kaum Cina, yang terus condong kepada parti pembangkang walaupun mereka tidak ketinggalan dalam menikmati segala kemajuan di negara ini.

Mereka juga mengingatkan parti-parti komponen bahawa arah aliran ini menunjukkan bahawa kemenangan calon-calon mereka adalah atas kekuatan undi Melayu.

Oleh itu, para perwakilan berkata, tidak seharusnya mereka mengganggu-gugat Umno dan Presiden parti untuk meminta pelbagai perkara semata-mata memenuhi kepentingan parti, dan kaum masing-masing.

Usul itu diluluskan sebulat suara selepas perbahasan kira-kira enam jam.

-- Lagi

♥01/12/18-23MST

U PB 01-12 00188 BH571

aab

LEAD Umno - Bahas (Presiden) 2 Kuala Lumpur

Para perwakilan mahukan parti-parti komponen bekerjasama dalam memberi kepercayaan kepada Perdana Menteri dan Umno untuk menerajui kerajaan serta meneruskan usaha pembangunan negara kerana berdasarkan trend pengundian pada pilihan raya lepas, ternyata Umno memberikan sumbangan yang begitu besar dalam menentukan kerajaan Barisan Nasional diberi kepercayaan memerintah semula.

Ada perwakilan yang menggesa kerajaan pusat mengambil langkah tegas terhadap negeri-negeri yang ternyata mempunyai majoriti pengundi yang bersimpati dengan pembangkang.

Mereka meminta kerajaan menarik balik bantuan untuk negeri Kelantan +sebagai pengajaran+ kepada rakyat yang menyokong pembangkang di negeri itu dan memberi masa kepada kerajaan PAS membuktikan kesungguhannya membangunkan negeri itu.

Tindak-tanduk anti kerajaan pusat yang sedang dipergiatkan di Sabah oleh kerajaan Parti Bersatu Sabah, juga mendapat tumpuan dan perwakilan meminta kerajaan pusat melakukan sesuatu untuk menyekat perkembangan ini.

Para perwakilan turut merakamkan rasa kesal mereka dengan sikap masyarakat Cina di Pulau Pinang yang tanpa segan silu menyokong pembangkang, seolah mereka tidak akan menghadapi masalah jika BN tewas. -- Bernama

(SILA SAMBUNG DENGAN BERITA AWAL) -- Bernama